MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL. 1/2019

| Bil. | Wakil | Isu |
|---|---|---|
| 1. | <u>Wakil Pekhidmat Gred 41/44/48</u> | i) Memohon penjelasan pihak Pengurusan Teberkenaan status pekhidmat kontrak susulan pihak kerajaan telah membuat keputusan untuk mengecilkan bilangan penjawat awam.<br><br>ii) Cadangan pengukuhan struktur organisasi di pejabat MAIPk daerah dengan cadangan melantik pekhidmat- pekhidmat Gred 22 (KUP) yang sedia ada dilantik sebagai penyelia kedua/Ketua Pembantu Tadbir secara pentadbiran selepas Pegawai Baitulmal Daerah. |
| | <u>Wakil Pekhidmat Gred N29/32</u> | i) cadangan pembekalan air minuman Coway di Tingkat 1,4 dan 6 bagi menggantikan bekalan air minuman dari sumber air osmosis berbalik (*reverse osmosis*) yang sedia ada.<br><br>ii) cadangan nama *person incharge /* pegawai bertugas dinyatakan di lif-lif KIDR bagi tujuan pemantauan dan kes-kes kecemasan sepanjang tempoh penyenggaraan lif di bangunan KIDR.<br><br>iii) cadangan elaun memangku diberikan kepada Pekhidmat Gred 29 yang menjalankan tugas Pegawai Baitulmal Daerah/Pengurus setara Gred 41<br><br>iv) cadangan penambahan pendingin hawa di Bahagian Agihan Zakat Tingkat 1 bagi memastikan persekitaran pejabat lebih kondusif dan selesa.<br><br>v) cadangan penambahan kouta bilangan penerima Anugerah Haji untuk pekhidmat berasaskan populasi Pekhidmat MAIPk berumur 40 tahun ke atas semakin meningkat. |
| 2. | <u>Wakil Pekhidmat Gred JA29/32</u> | i) Cadangan penyertaan kursus / latihan dalam bidang Teknikal secara individu atau berkumpulan yang diajurkan oleh pihak luar. Termasuk juga kemudahan mengikuti pengajian secara jarak jauh (PJJ) kepada pekhidmat di Pentadbiran Daerah.<br><br>ii) Cadangan pewujudan Unit Perolehan bagi pengendalian secara khusus perolehan-perolehan di MAIPk. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | iii) | Cadangan pemberian elaun kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 yang menjalankan kerja-kerja teknikal di daerah. |
| 3. | Wakil Pekhidmat Gred N 22 | i) | Cadangan hari pelepasan diberikan kepada semua Pekhidmat MAIPk pada hari terakhir bulan Ramadhan yang jatuh pada hari bekerja. |
| | Wakil Pekhidmat Gred N19/22 (Daerah) | i)<br><br>ii) | Cadangan kursus khas untuk meningkatkan kemahiran pekhidmat yang berkaitan dalam kerja-kerja pemantauan dan penilaian projek bina / baik pulih rumah MAIPk.<br><br>Cadangan ditambah Sumbangan Kecemerlangan Akademik dalam Tabung Amanah Pekhidmat (TAP) iaitu peperiksaan Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) |
| | Wakil Pekhidmat Gred N19/22 (Ibu Pejabat) | i) | Permohonan kemudahan parking terutamanya kepada pelanggan-pelanggan berstatus VIP, OKU serta ibu mengandung di Kompleks Islam Darul Ridzuan. |
| | Wakil Pekhidmat Gred N19/22 (Daerah) | i) | Memohon penjelasan berkenaan status perkhidmatan Pekhidmat MAIPk yang dilantik secara *Contract For Service* (CFS) pada masa akan datang. |
| | Wakil Pekhidmat Gred W19/22 (Ibu Pejabat) | i)<br><br>i) | Cadangan penambahan pekhidmat Gred W19 di kaunter-kaunter kewangan.<br><br>Cadangan pelan penggantian Pekhidmat MAIPk bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan setiap kali waktu puncak. |
| | Wakil Pekhidmat Gred W19/22 (Daerah) | i)<br><br>ii) | Memohon pertambahan pekhidmat Gred W19/22 di daerah-daerah besar terutama daerah dengan bilangan pelanggan tinggi seperti di Taiping.<br><br>Memohon pertambahan Pembantu Tadbir di MAIPk Daerah Bagan Datuk. |
| | Wakil Pekhidmat Gred 11-16 | i)<br><br>ii) | Memohon pertimbangan untuk waktu masuk bekerja fleksibel bagi Pemandu Gred H11 yang tamat bertugas memandu melebihi jam 12.00 malam pada hari bekerja sebelumnya.<br><br>Cadangan bayaran elaun telefon dipanjangkan kepada pekhidmat Pembantu Am Pejabat Gred N11 sepertimana yang dinikmati Pemandu Kenderaan Gred H11. |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | Wakil Mubaligh | i) Memohon peruntukan yang disalurkan oleh MAIPk kepada Mubaligh Islam terus dibayar ke Kelab Mubaligh tanpa melalui jabatan-jabatan lain.<br><br>ii) Memohon pertambahan pekhidmat Mubaligh Islam terutama di kawasan-kawasan rasmi Orang Asli yang beragama lain seperti di Kampar dan Gopeng.<br><br>iii) Cadangan elaun motivasi diberikan kepada Mubaligh Islam yang berjaya mengislamkan Orang Asli sebagai salah satu insentif dan saguhati.<br><br>iv) Memohon diadakan pertemuan di antara MAIPk dan JAIPk bagi memurnikan pelarasan berkaitan bidang tugas, peruntukan dan prestasi kerja.<br><br>v) Cadangan diadakan latihan kepada Mubaligh berkenaan perbandingan agama, strategi komunikasi dalam berdakwah dan program dakwah bersama NGO yang berkaitan. |
| 4. | Wakil Guru Al-Quran | i) Cadangan Guru - guru Al-Quran menjalani kursus profesional dalam bidang pendidikan di IPTA/IPTS secara pengajian jarak jauh atau bidang Al-Quran secara pengajian talaqqi bersanad bagi meningkatkan kualiti Pekhidmat.<br><br>ii) Cadangan diadakan Hari Keluarga untuk Guru-guru Al-Quran.<br><br>iii) Cadangan diadakan lawatan ke Kompleks Nasyrul Quran di Putrajaya untuk Guru-guru Al-Quran. |
| | Hal-hal Lain | i) Cadangan memperbanyakkan acara-acara kerohanian dianjurkan oleh MAIPk khusus untuk Pekhidmat dan orang awam.<br><br>ii) Cadangan melantik Gimnasium di sekitar Ipoh sebagai panel gimnasium untuk pekhidmat MAIPk menjalankan aktiviti riadah dan bersukan.<br><br>iii) Cadangan agar Pekhidmat yang berstatus *Contract For Services* (CFS) diberikan perlindungan insuran berikutan Pertubuhan Keselamatan Sosial tidak lagi menerima caruman Pekhidmat yang berstatus *Contract For Services* (CFS)<br><br>iv) Cadangan Majlis Keraian Pesara Pekhidmat diadakan secara besar-besaran sebagai tanda perhargaan kepada pekhidmat yang bersara. |